

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Wednesday, February 8, 2017 2:11 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SBM Academic Achievement Awards Motivasi Untuk Kejar World Top 100



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



8 FEBRUARI 2017 / 11 JAMADILAWAL 1438H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Abdul Halim Husain

SBM ACADEMIC ACHIEVEMENT AWARDS MOTIVASI UNTUK KEJAR WORLD TOP 100



UUM ONLINE: Dengan tema 'Towards SBM World Top 100', Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM) telah mengadakan SBM Academic Achievement Awards 2016 di EDC Hotels & Resorts, semalam.

Majlis tersebut adalah bagi meraikan ahli akademik dan staf SBM yang telah menyumbang serta memberikan komitmen kepada pencapaian SBM.

Dekan SBM, Prof Dr Haim Hilman Abdullah berkata, untuk menjadikan SBM sebuah pusat pengajian yang kompetitif memerlukan setiap warganya menjadikan huruf SBM itu sebagai asas dalam tindakan iaitu 'S' bermaksud Smart, 'B' Brave dan 'M' Motivated.

"Selepas ini, tiada lagi perkataan 'I' atau saya di SBM kerana kita akan bersama-sama menggunakan perkataan 'we' atau kami apabila kita bicara tentang SBM. Sehubungan itu, saya amat berharap dan yakin setiap warga SBM boleh menjadi individu baharu atau '*new you*' yang mana akhirnya mampu membawa kepada kejayaan merealisasikan transformasi total di SBM.

"Pendekatan ini mampu membuat semua warga SBM termasuk yang datang ke pusat pengajian ini rasa dihargai dan menjadi sebahagian daripada cerita besar mahupun kejayaan SBM.

"Kita di SBM juga turut menitikberatkan sumbangan staf akademik pelawat dalam agenda transformasi ini. Untuk itu semua orang harus terlibat dalam setiap aktiviti SBM," katanya.

Beliau berkata, secara khususnya majlis ini adalah antara inisiatif untuk mengiktiraf warga SBM khususnya dan universiti amnya yang telah memberi sumbangan terbesar kepada kejayaan SBM untuk agenda berkaitan pelan strategik bagi tahun 2016.

Selain itu, menurutnya, buat pertama kali juga SBM akan mengadaptasi konsep pengurusan korporat dengan melantik beberapa pegawai yang akan memfokuskan kepada bidang fungsian seperti pemasaran, operasi, kewangan, strategi dan lain-lain selain daripada akademik.

Pada masa sama, beliau juga berharap warga SBM memiliki kepantasan dalam menilai situasi, membuat keputusan dan melaksanakan tindakan.

"Jika kita bersungguh-sungguh, tidak mustahil SBM akan menjadi perhatian, sebutan dan kebanggaan bukan sahaja warga SBM dan UUM tetapi semua pihak.

"Semua ini akan menjadi realiti jika ia bermula dari diri kita sendiri iaitu untuk memberikan yang terbaik, justeru mari kita cabar diri dan beri peluang kepada diri kita untuk menjadi pemain utama dalam agenda meletakkan SBM antara 100 terbaik di dunia," ujarnya.

Tambah beliau lagi, adalah menjadi visi SBM untuk menjadi '*leader*' dalam pengajaran, penyelidikan dan perundingan perniagaan dan pengurusan dalam bidang pengajian perniagaan dan pengurusan di Malaysia khususnya dan antarabangsa dalam tempoh 5 tahun.

Justeru, katanya, semua warga SBM juga harus bersama-sama memberikan idea dan tenaga dalam memastikan semua objektif strategik tersebut dapat direalisasikan dalam tempoh waktu ditetapkan.

Pada majlis itu, sebanyak tiga (3) kategori anugerah disampaikan iaitu sijil penghargaan, Anugerah Akademik SBM dan PhD Completion Award.

Surat penghargaan disampaikan kepada ketua dan penilai kertas kerja Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), manakala Anugerah Akademik SBM pula terdapat 12 kategori yang dipecahkan kepada sub kategori professor, professor madya, pensyarah kanan dan pensyarah serta anugerah kepada staf yang berjaya menamatkan PhD pada tahun lalu.

Hadir sama Timbalan Dekan SBM, Prof Madya Dr Fais Ahmad; Ketua Jabatan dan Koordinator; Profesor serta pegawai SBM.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.